

Bilis terdampar akibat perubahan suhu air laut

4M 17/8/2022 ms: 5

Lumut: Fenomena ribuan ikan bilis terdampar di pantai Pasir Bogak, Pulau Pangkor di sini baru-baru ini mungkin dipengaruhi perubahan drastik suhu air laut.

Pengarah Perikanan Perak, Noraishah Hashim berkata, nelayan mendakwa hasil tangkapan ikan bilis meningkat sejak dua hingga tiga hari sebelum fenomena itu berlaku.

Katanya, berdasarkan maklumat, anak ikan tam-

ban terdampar di pantai berkenaan dalam kuantiti sedikit pada Jumaat lalu, manakala keesokannya ikan bilis pula, jam 7.30 malam.

"Anggaran ikan bilis dikutip pengunjung adalah lebih dua kilogram di pantai Pasir Bogak sepanjang 500 meter. Ikan terdampar di pantai berkenaan saja.

"Nelayan memaklumkan kemungkinan ikan besar terutama ikan alu-alu mengejar dan memakan ikan bilis

menyebabkan ia melompat ke pantai selain ada kemungkinan lambakan itu disebabkan cahaya lampu di kawasan berkenaan," katanya, semalam.

Noraishah berkata, berdasarkan kajian saintifik ada tiga faktor menyebabkan ikan bilis naik ke pantai iaitu perubahan drastik suhu air laut, pertumbuhan alga dan plankton serta arus dan gelombang tinggi.

"Kita berpandangan dasar

Pengezonan Semula Kawasan Penangkapan Ikan Di Pantai Barat Semenanjung Malaysia pada 2016 yang mewujudkan Zon Konservasi iaitu kawasan pembiakan ikan dari pantai hingga 1.0 batu nautika dengan melarang sebarang aktiviti menangkap ikan menampakkan kejayaan dengan penambahan ikan bilis.

"Bagaimanapun, kami memantau kejadian ini dari semasa ke semasa," katanya.